



Published biannually by :

HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD), Selangor International Islamic University College (KUIS)
 Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia, Tel: 03 - 8911 7000 Ext: 6129/6130. Fax: 03 - 8926 6279
 Email: jurnahadis@kuis.edu.my Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/

METODE PENGAJIAN HADIS KLASIK DAN KERANGKA SISTEM PENDIDIKAN MODEN: TINJAUAN DI MAAHAD- MAAHAD TAHFIZ SELANGOR

**Abu Zaki Ismail,^{1*} Mohamad Fuad Ishak,² Mohd Khafidz
 Soroni,¹ Mohd Farid Ravi Abdullah,¹ Syed Abdul Majid Ghouri,³
 Mohd Norzi Nasir¹ & Nurfida'iy Salahuddin¹**

¹ Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

² Faculty of Education, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

³ Institut Kajian Hadis dan Akidah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

* Corresponding Author: Abu Zaki Ismail. Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: abuzaki@kuis.edu.my

Abstrak

Istilah Pengajian hadis sudah berdiri dengan sistem sendiri sebelum wujudnya sistem pengajian moden. Pelbagai kaedah dan pendekatan pengajian sudah dikembangkan oleh generasi lalu termasuk lapan metode tahammul al-hadīth. Bagi tujuan adaptasi pengajian hadis secara lebih bersinergi dengan sistem moden, kajian ini meninjau metode-metode pengajian hadis klasik, teori-teori pedagogi sarjana Islam dan praktiknya di maahad-maahad tahfiz dalam negeri Selangor. Metode kualitatif digunakan dengan menganalisis metode pendidikan klasik dan pendekatan moden serta temubual di sembilan buah maahad tahfiz terpilih dalam negeri Selangor. Kajian ini juga mendapati pengajian hadis dapat diketengahkan dalam institusi formal dan non formal dalam usaha menjadikan pengajian ini lebih bermanfaat dan komprehensif pada masa akan datang.

Kata kunci: *Metode, Pengajian hadis, Klasik, Sistem pendidikan, Moden, Maahad tahfiz.*

**(CLASSICAL HADITH LEARNING METHOD AND
MODERN EDUCATION SYSTEM FRAMEWORK:
A SURVEY IN TAHFIZ SCHOOLS
IN SELANGOR)**

Abstract

Hadith studies have stood by its own as a system before the existence of modern learning system. Various methods and approaches of study have been developed by the early generations including eight methods of taḥammul al-ḥadīth. For the purpose of adapting the hadith's study in a modern system, this study reviews the methods of classical hadith studies, Islamic scholarly pedagogical theories and their practice in tahfiz schools in Selangor. Qualitative methods have been used in this research which includes analysis on classical method of education analysis and modern approaches, and interviews with nine chosen tahfiz schools in Selangor. The study also found that the hadith studies can be conducted in formal and non formal institutions in order to make the hadith studies more useful and comprehensive in the future.

Keywords: *Method, Hadith learning, Classic, Education system, Modern, Tahfiz school.*

Received: January 9, 2019

Accepted: June 14, 2019

Online Published: December 25, 2019

1. Pendahuluan

Pengajian hadis merupakan satu aspek bidang pengajian yang penting dalam Islam sebagai sumber kedua selepas al-Quran. Para ulama telah memberi penekanan terhadap ilmu hadis sama seperti al-Quran kerana peranannya yang sangat besar sebagai penjelas dan penerang kepada al-Quran ('Itr, 1989). Ini kerana secara umumnya kandungan al-Quran bersifat prinsip dan dasar umum yang lengkap, sedangkan perinciannya terdapat di dalam hadis. Oleh itu, kedudukan hadis amat penting dan ia menuntut umat Islam memahami hadis dengan tepat dan betul (Burton, 1995). Kepelbagaian riwayat hadis dan perbezaan lafaznya turut menjadikan umat Islam tiada pilihan melainkan berusaha memahami hadis sebagaimana yang dikehendaki oleh Nabi Muhammad SAW dengan sebaiknya. Ini kerana jurang perbezaan zaman Rasulullah SAW sehingga kini memudahkan manusia tersilap memahami hadis melainkan mereka kembali merujuk semula kepada kefahaman generasi sahabat dan tabiin (Shah, 2016).

Justeru tidak hairanlah sekiranya bidang ini mendapat perhatian pencinta ilmu melalui kelas-kelas pengajian dan pembelajaran sama ada secara formal atau tidak formal. Ianya dapat dilihat menerusi karya-karya penulisan para ulama dan tokoh-tokoh hadis malah ianya turut dijadikan sebagai bahan pengajaran di surau, masjid, pondok dan institusi-institusi pengajian Islam yang lain (Mustafa, et al., 2009). Menurut Deraman (2004), pengajian hadis telah melahirkan ramai tokoh yang memberikan sumbangan besar di dunia Islam. Namun, perubahan dunia dan teknologi yang pesat sedikit sebanyak telah membawa perubahan terhadap pengajian ilmu hadis berdasarkan kaedah-kaedah terkini dan lebih efektif bagi mengukuhkan lagi pengajian bidang ini.

Oleh itu, satu tinjauan dibuat bagi melihat ruang untuk memodenkan pendekatan pengajian hadis sesuai dengan sistem pendidikan semasa. Ini kerana

menurut Gronlund dan Linn (1990) kurikulum pendidikan tidak tetap sifatnya, ia sentiasa berubah mengikut perkembangan isu semasa.

2. Tahap Pendidikan dan Kaedah Pengajian Hadis

Terdapat pelbagai metode yang digunakan oleh pengajar hadis dalam memberi kefahaman hadis kepada masyarakat sama ada penyampaiannya di masjid atau surau. Terdapat tiga sudut utama penyampaian dan syarah hadis. Pertama, perkara yang berhubung dengan sanad iaitu menjelaskan tentang kedudukan setiap perawi yang terlibat dalam periwayatan hadis tersebut. Kedua, perkara yang berhubung dengan lafaz yang perlu merujuk kitab-kitab *al-gharīb wa al-lughah*. Ketiga, perkara yang berhubung dengan makna hadis iaitu *fiqh al-ḥadīth* (Bazmul, t.th.)

Pada zaman Rasulullah SAW, terdapat dua cara hadis disampaikan oleh para sahabat. Pertama, sahabat menyampaikan hadis dengan lafaz yang asal daripada Rasulullah SAW. Kedua, para sahabat menyampaikan maknanya bukan lafaznya kerana sahabat tidak menghafal yang asal daripada Baginda SAW (Hasbi 1974). Manakala zaman para sahabat, tabiin dan pengikut tabiin pula masih menggunakan pendekatan yang sama tetapi menitikberatkan kepada catatan dan penulisan agar hadis dapat dihimpunkan dan dibukukan. Ini memudahkan umat Islam yang terkemudian untuk merujuk dan mempelajari ilmu hadis (Ehsan, 2003).

Namun begitu, pengajian hadis tidak hanya terhenti di surau dan masjid sahaja. Ianya terus berkembang sehingga dapat dibahagikan menjadi pengajian formal dan informal. Menurut Mohd Fadzil, Deraman, dan Amir (2014), maksud institusi formal di sini ialah institusi yang lebih kepada sistem pengajian moden. Manakala institusi non formal pula adalah institusi pengajian yang dijalankan secara tradisional. Institusi pendidikan yang bersifat formal adalah institusi yang memiliki sistem pengajian teratur dan bersistematik seperti sekolah menengah, institusi pengajian tinggi, kolej dan sebagainya. Manakala institusi yang bersifat non formal adalah institusi pengajian tradisional seperti sekolah pondok, masjid ataupun surau.

Bagaimanapun, secara tradisinya terdapat beberapa metode pengajian hadis dari sudut pengajaran dan penyampaian. Menurut Ibn al-Salah (1986), terdapat lapan metode (*turuq*) *taḥammul al-ḥadīth* iaitu:

i. *al-Sama'*

Penyampaian hadis menggunakan metode *al-sama'* adalah bermaksud seorang syeikh membacakan atau menyampaikan hadis berdasarkan hafalannya ataupun daripada catatannya, manakala pelajar hanya mendengar sambil mencatatkan hadis atau hanya mendengar sahaja tanpa mencatatkannya. Ini merupakan metode penyampaian yang paling utama sekali di sisi jumhur ulama (Ibn al-Salah, 1986; al-Tahhan 1985).

ii. *Al-Qirā'ah 'alā al-Shaykh*

Metode *al-Qirā'ah 'alā al-Shaykh* juga dikenali sebagai *al-'Arḍ* atau *'Arḍ al-Qirā'ah*. Melalui metode ini, pelajar membentangkan bacaan hadis kepada seorang

syekh ataupun seseorang membacakan hadis sambil didengar oleh pelajar yang lain di hadapan syekh, sama ada bacaan tersebut daripada sebuah catatan ataupun daripada hafalan sahaja. Manakala syekh hanya mendengarnya sama ada beliau menghafal apa yang dibacakan itu ataupun tidak menghafalnya tetapi beliau memegang catatannya yang asal ataupun catatan seorang thiqah (yang dipercayai) yang lain (Ibn al-Salah 1986).

iii. *Al-Ijazah*

Metode *al-Ijāzah* ialah seorang syekh memberikan keizinan kepada pelajar untuk meriwayatkan hadis daripadanya sama ada keizinan tersebut berbentuk ucapan ataupun catatan. Sebagai contoh, seorang syekh menyatakan kepada pelajarnya: “*Aku mengijazahkan kepada kamu untuk meriwayatkan kitab Ṣaḥīḥ al-Bukhāri daripadaku*” (al-Ṭaḥḥān 1985).

iv. *Al-Munāwalah*

Metode *al-Munāwalah* bermaksud seorang syekh memberikan atau menghulurkan kepada pelajarnya sebuah catatan, sama ada disertai dengan ijazah seperti berkata: “*Ini adalah riwayatku daripada si fulan, maka riwayatkanlah daripadaku*”, atau tanpa disertai dengan ijazah seperti berkata: “*Ini adalah hadis yang aku dengar*” (Ibn al-Salah, 1986; al-Taḥḥān, 1985). Para ulama berselisih kepada dua pendapat tentang keharusan meriwayatkan hadis melalui metode *al-Munāwalah* tanpa disertai dengan ijazah (Ibn al-Salah, 1986).

v. *Al-Mukātabah*

Al-Mukātabah bermaksud seorang syekh menulis dengan tangannya sendiri atau syekh menyuruh seseorang untuk menuliskan hadis riwayatnya bagi diberikan sama ada kepada orang yang hadir di hadapannya ataupun orang yang berada jauh darinya. *Al-Mukātabah* terbahagi kepada dua bahagian, iaitu yang disertai dengan ijazah dan tanpa disertai dengan ijazah. Para ulama juga berselisih kepada dua pendapat tentang keharusan meriwayatkan hadis melalui metode *al-Mukātabah* tanpa disertai dengan ijazah (al-Ṭaḥḥān, 1985).

vi. *Al-I'lām*

Metode *al-I'lām* bermaksud seorang syekh memberitahu pelajarnya bahawa hadis atau kitab ini merupakan riwayat yang didengarinya daripada fulan bin fulan tanpa menyatakan keizinan untuk meriwayatkannya (Ibn al-Salah, 1986). Para ulama juga berselisih kepada dua pendapat tentang keharusan meriwayatkan hadis melalui metode ini (al-Ṭaḥḥān, 1985).

vii. *Al-Waṣiyyah*

Al-Waṣiyyah bermaksud seorang syekh mewasiatkan sebuah kitab yang mengandungi hadis-hadis riwayatnya kepada seseorang, sama ada ketika ajalnya hampir tiba ataupun sebelum dia bermusafir (Ibn al-Salah, 1986). Para ulama juga berselisih kepada dua pendapat tentang keharusan meriwayatkan hadis melalui metode ini (al-Ṭaḥḥān, 1985).

viii. *Al-Wijādah*

Metode *al-Wijādah* bermaksud seorang perawi menemui catatan seseorang syekh yang mengandungi hadis-hadis yang diriwayatkannya serta ditulis dengan tangannya sendiri, sama ada perawi itu tidak pernah menemui syekh tersebut ataupun pernah menemuinya tetapi tidak pernah mendengar hadis di dalam catatan berkenaan, tanpa adanya sebarang *al-sama'*, *al-ijāzah* mahupun *al-munāwalah* daripada syekh kepada perawi itu (Ibn al-Salah, 1986).

Namun begitu, kebanyakan metode pengajian hadis yang dinyatakan di atas hanya berlaku dalam tradisi penyampaian dan periwayatan hadis. Pendidikan hadis zaman globalisasi kini lebih tertumpu kepada kaedah ceramah, diskusi, soal jawab dan talaqqi.

3. Konsep Pedagogi Ibn Khaldun

Perkembangan tahap pendidikan yang dinyatakan di atas sejajar dengan pendapat Ibn Khaldūn yang menjelaskan bahawa pendidikan merangkumi pengertian pertumbuhan atau perkembangan (*al-Nasy'ah* dan *al-Tansy'iah*). Ia bermaksud pendidikan adalah suatu proses perkembangan diri pelajar. Proses ini akan berlaku secara berperingkat mengikut kesesuaian tahap dan kemampuan pelajar tersebut (Zakaria, 2003).

Pada peringkat pertama, pendidik akan memberikan punca masalah kepada pelajar dan memperkenalkan masalah tersebut dengan komen yang ringkas. Dalam hal ini pendidik hendaklah memerhatikan kemampuan dan persediaan pelajar memahami material yang diberikan. Melalui cara ini, pelajar akan mengerti dengan lebih mudah mengenai perkara tersebut meskipun penguasaannya masih bersifat *juz'iyah* (sebahagian) dan masih lemah. Pada peringkat kedua, pendidik memberikan pelajaran yang sama kepada pelajar tetapi huraianannya agak luas dan mencakupi. Pada peringkat yang ketiga pula, pendidik kembali menerangkan perkara yang sama dengan lebih terperinci. Hasilnya, pelajar akan dapat menguasai pelajaran dengan berperingkat tanpa bebanan yang berat. Konsep pendidikan seumpama ini adalah sejajar dengan pandangan yang dikemukakan oleh al-Ghazali yang menganjurkan kepada pendidik agar tidak memberikan pendidikan di luar kemampuan pelajar (Ibn Khaldūn, 1958).

Selain itu, Ibn Khaldūn juga berpendapat bahawa pendidikan merupakan suatu pembinaan (*al-tahzīb*). Kenyataan ini dapat dilihat dalam fasal sebelum *al-riḥlah fī ṭalab al-'ilm* atau pengembaraan di dalam menuntut ilmu. Dalam konteks ini, Ibn Khaldun menegaskan bahawa pendidikan itu merangkumi pengertian pembinaan akhlak, pembersihan diri dari sifat-sifat keji dan menggantikannya

dengan sifat-sifat yang terpuji (Ibn Khaldūn, 1958). Oleh itu, melalui pendidikan dapat membantu manusia dalam meningkatkan sahsiah ke tahap yang lebih tinggi dan mulia. Antara kaedah pendidikan yang digariskan oleh Ibn Khaldūn pula ialah:

i. Pandang dengar (*al-Talqīn*)

Ibn Khaldun berpendapat kaedah ini berjalan dengan guru memberi atau mengarahkan pelajar supaya menghafal pelajaran terlebih dahulu. Dalam mempelajari al-Quran umpamanya, pelajar dimestikan untuk menghafal sebelum diajarkan kepada mereka intipati yang terkandung dalam al-Quran. Pelajar dimestikan menghafal al-Quran kerana ia merupakan mata pelajaran terpenting dalam peringkat pengajaran yang pertama (Na'mi, 1994). Kaedah pandang dengar atau *talqīn* ini juga turut diamalkan oleh sarjana pendidikan Islam yang lain seperti al-Qabīsī. Menurut al-Qabīsī dalam pengajaran al-Quran contohnya, pelajar akan mengulangi setiap perenggan yang disebutkan oleh gurunya sehinggalah dia dapat menghafalnya. Pada peringkat ini guru tidak perlu menghuraikan maksud ungkapan yang dihafal disebabkan ketidakmampuan pelajar untuk memahaminya (Zakaria, 2003).

ii. Pengajaran secara berperingkat dan beransur-ansur (*al-Tadrīj*)

Dalam menghuraikan proses pengajaran dan pembelajaran secara beransur-ansur ini, Ibn Khaldūn menyatakan sekurang-kurangnya terdapat tiga langkah pengajaran yang perlu dilaksanakan oleh seorang guru dalam menyampaikan pengajarannya. Langkah pertama, guru akan memaparkan kepada pelajar-pelajarnya mengenai masalah-masalah utama yang terdapat dalam setiap bab cabang ilmu tertentu. Sewaktu mengajar, guru akan membuat huraian secara ringkas mengenai tajuk tersebut. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti kemampuan akal dan persiapan pelajar dalam menerima pelajaran yang diajarkan. Dengan cara ini, pelajar akan dapat membiasakan diri dengan disiplin ilmu yang diajarkannya. Langkah kedua, guru akan mengajar pelajarinya pada peringkat yang lebih tinggi. Kali ini guru tidak lagi memberi penjelasan secara sepintas lalu sahaja tetapi melakukan ulasan dan penjelasan yang menyeluruh. Guru akan mengaitkan pelajaran dengan keadaan dan pandangan semasa yang selari dan bertentangan dengan tajuk yang diajarkan. Langkah yang terakhir adalah langkah pengukuhan dan pementapan dengan perbincangan yang lebih berasas (Ibn Khaldūn, 1958).

iii. Pengajaran yang fokus

Ibn Khaldūn menyatakan bahawa sekiranya seseorang pelajar itu diberi kebebasan untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada pelajaran yang diminatinya, maka cara demikian adalah lebih sesuai untuk menyerap ilmu yang diinginkan. Guru juga tidak harus menuntut sesuatu yang lebih dari apa yang dipelajari dan difahami oleh pelajarinya, sesuai dengan tahap umurnya dan kesediaannya dalam menguasai pelajaran. Justeru, guru tidak perlu menimbulkan masalah-masalah selain daripada

apa yang ditemui di dalam buku sehingga pelajar dapat memahami seluruh pelajaran dari awal hingga akhir (Ibn Khaldūn, 1958).

iv. Peniruan (*al-Muḥākāh* atau *al-Taqlīd*)

Kaedah ini juga dikenali dengan peniruan atau lakon semula. Kaedah muḥākāh atau *taqlīd* dalam konteks pengajaran moden dikenali sebagai kaedah simulasi. Kaedah ini menuntut guru mengajar pelajar dengan cara guru melakonkan atau pelajar diambil sebagai model dan contoh kepada pelajar-pelajar yang lain. Kebiasannya kaedah ini juga dilaksanakan dalam bentuk lakonan untuk menggambarkan situasi dan keadaan tertentu dengan berobjektifkan supaya proses pengajaran dan pembelajaran mampu dilaksanakan dengan lebih berkesan (Na'mi, 1994).

v. Percubaan (*al-Tajribah*)

Dalam konteks dunia moden, kaedah pendidikan ini dikenali sebagai eksperimen. Pelajar digalakkan untuk menguji kaji sesuatu benda atau dihidangkan dengan permasalahan dan cuba untuk menyelesaikannya dengan menggunakan kaedah yang tertentu. Dalam hal ini pelajar diberi kebebasan untuk menyelesaikan masalah yang dikemukakan berdasarkan dengan kaedah penyelesaian yang diberi (Na'mi, 1994).

vi. Pengulangan (*al-Tikrār*)

Antara pendekatan-pendekatan pengajaran yang digunakan oleh Ibn Khaldūn di dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah pengalaman lalu, dimana kadangkala pelajar-pelajar sering lupa atau tidak dapat memahami pelajaran dalam penjelasan yang pertama atau kedua. Justeru, guru diminta supaya mengulang semula pelajaran tersebut sehingga pelajar dapat memahaminya. Kemudian persediaan pada ilmu itu dibuat secara beransur-ansur. Sebagaimana langkah pengajaran beransur-ansur itu melalui tiga peringkat, maka sebaik-baik pengulangan juga hendaklah dilakukan sebanyak tiga kali. Tujuannya sangat jelas, iaitu supaya pelajar dapat memahami penjelasan guru dengan lebih tepat dan lebih mantap. Ini akan menambahkan lagi kefahaman serta keahliannya dalam sesuatu disiplin ilmu yang dipelajari (Ibn Khaldūn, 1958).

4. Konsep Pedagogi Sarjana Islam

Terdapat beberapa sarjana yang mengemukakan konsep pengajaran dan pembelajaran yang boleh diadaptasi dalam kerangka pendidikan hadis terkini. Antaranya adalah kurikulum pendidikan Islam al-Ghazzālī yang dibina berteraskan *'ulūm naqliyyah* iaitu ilmu-ilmu wahyu berasaskan al-Quran dan hadis. Ilmu tersebut diterapkan ke dalam sistem pendidikan moden melalui pelajaran yang berbentuk ilmu teori seperti bacaan dan hafazan. Ia kemudiannya berkembang kepada *'ulūm lisāniyyah* yang mengamalkan ilmu praktikal merangkumi perbuatan dan kata-kata seperti ibadah dan akhlak (Darusalam & Hussin, 2018).

Manakala Ibn Saḥnūn pula mengemukakan teori pendidikan seperti berikut (Musa, 1981):

- i. Kelebihan al-Quran dari segi mengajar dan belajar.
- ii. Keperluan menyediakan tempat belajar dalam kalangan lelaki dan perempuan.
- iii. Ketika mengajar hendaklah menggunakan sumber bahan pengajaran.
- iv. Mengutamakan kaedah hafazan al-Quran sama ada sepenuhnya, separuh, satu pertiga atau satu perempat daripada keseluruhan al-Quran sebelum mempelajari ilmu-ilmu lain.
- v. Tingkah laku pelajar bermula daripada amalan solat.
- vi. Guru harus mengambil manfaat dan upah daripada pelajar-pelajarnya.

Al-Qabīsī dengan kitab beliau *Al-Risālah al-Mufaṣṣalah li Aḥwāl al-Mu'allimīn wa Muta'allimīn* merupakan pelopor terkenal model neuklitik atau model pemusatan dan perhubungan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Konsep yang digunakan adalah pendidikan Islam harus bermula dengan memberi input kepada ilmu-ilmu asas yang terdiri daripada ilmu al-Quran dan ilmu akhlak sebelum beralih kepada ilmu-ilmu tambahan lain. Pembinaan kurikulum pendidikan pula hendaklah mengutamakan psikologi pelajar agar kaedah dan teknik pengajaran sesuai dengan tahap dan kemampuan para pelajar. Konsep ini juga menekankan agar diberi ruang dan penekanan yang besar dalam membina kurikulum pendidikan Islam dalam aliran dan ruang lingkup falsafahnya yang tersendiri (Aḥwānī, 1983).

5. Tinjauan Awal

Kajian ini telah menganalisis temubual dengan pihak industri iaitu pentadbir dan pengajar di maahad tahfiz yang berkaitan pengajian hadis, selain data yang diperolehi dari wakil industri tahfiz iaitu Pengerusi dan Setiausaha Persatuan Institusi Tahfiz Selangor (PITAS). Lawatan dan temubual dilaksanakan di sembilan buah maahad tahfiz di Selangor, iaitu:

- i. Maahad Tahfiz an-Nadwi, Kajang.
- ii. Maahad Tahfiz at-Tayyibah, Sungai Merab, Kajang.
- iii. Maahad Tahfiz Kiblah, Bukit Unggul, Sepang.
- iv. Maahad Tahfiz Miftahul Ulum, Jalan Kuari, Kajang.
- v. Maahad Tahfiz Ummul Qura, Tebuk Mufrad, Sabak Bernam.
- vi. Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Bagan Lalang, Sepang.
- vii. MITS Kuala Langat, Jugra, Banting.
- viii. MITS Klang, Alam Impian, Shah Alam.
- ix. MITS Bagan Terap, Sabak Bernam.

Kajian mendapati bahawa terdapat tiga bentuk pengajian hadis di maahad-maahad tahfiz Selangor iaitu:

- i. Pengajian secara riwayat dan dirayah di maahad tahfiz yang menggunakan sistem pengajian Dār al-‘Ulūm Deoband (kaedah Deobandi India). Pengajian seperti ini didapati dijalankan di Maahad Tahfiz Miftahul Ulum dan Maahad Tahfiz Ummul Qura.
- ii. Pengajian hadis secara dirayah berdasarkan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kurikulum Azhari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pengajian seperti ini didapati dijalankan di maahad-maahad tahfiz integrasi Selangor (MITS) dan Maahad Tahfiz al-Nadwi.
- iii. Pengajian minima berdasarkan beberapa kitab hadis, seperti *Matn Arbaʿīn*, *Mukhtaṣar Ibn Abī Jamrah* dan *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Pengajian seperti ini didapati dijalankan di maahad-maahad tahfiz yang lain.

6. Kesimpulan

Pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu proses penyampaian dan memperolehi ilmu pengetahuan. Proses ini melibatkan peranan daripada guru dan murid untuk melahirkan pengajaran serta pembelajaran yang berkesan. Namun, masalah yang kerap ditemui dalam proses pengajaran dan pembelajaran hadis ialah guru tidak menguasai metode yang tepat sehingga menyebabkan timbulnya situasi yang kurang kondusif dalam pembelajaran. Para guru juga hendaklah memperkenalkan kitab-kitab muktabar dalam proses pengajaran dan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersesuaian bagi meningkatkan minat para pelajar untuk mendalami ilmu ini. Melalui hadis Rasulullah SAW, para pelajar dapat mengenali Islam dengan lebih jelas. Melalui sistem pembelajaran yang lebih terancang pula pelajar lebih mudah untuk memahami ilmu yang ingin disampaikan. Hal ini dapat meningkatkan minat para pelajar untuk lebih mendalaminya di peringkat yang lebih tinggi. Justeru, pengenalan ilmu hadis dalam bentuk pengajaran dan pembelajaran (PnP) yang lebih sistematik haruslah seiring bagi melahirkan pelajar yang berjiwa Islam dan berkemahiran dalam bidang yang diceburi.

RUJUKAN

- ‘Itr, N. (1989). *Manhaj al-Nuqūd fī ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- al-‘A‘zamī, M. M. (1977). *Studies in hadith methodology and literature*. Indianapolis: American Trust Publications.
- al-Khaṭīb, M. A. (1981). *Uṣūl al-Ḥadīth ‘ulūmuh wa muṣṭalāḥuh*. Beirut: Dār al-Fikr
- Ash-Shiddieqy, T. M. H. (1974). *Sejarah dan pengantar ilmu hadith*. Jakarta: Kramat Kwitang.
- Bāzmūl, M. U. (t.th.). *‘Ilm Sharḥ al-Ḥadīth wa rawāfīd al-baḥṡ fīhi*. t.tp.: t.pt.
- Burton, J. (1994). *An introduction to the hadith*. Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd.

- Darusalam, G. & Hussin, S. (2018). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Deraman, F. (2004). Ibn Al-Salah dan Sumbangannya Dalam Pengajian Hadith. *Al-Bayan Journal of Al-Quran & al-Hadith*, 2, 91-110.
- Ehsan, A. (2003). *Ilmu hadith sebagai sumber hukum Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gronlund, N. E. & Linn, R. L. (1990). *Measurement and Evaluation in Teaching*. New York: McMillan.
- Ibn al-Ṣalāḥ. (1986). *‘Ulum al-hadith*. Damasyik: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Ṣalāḥ. (t.th.). *Muqaddimah Ibn al-Ṣalāḥ*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Khaldūn, A. R. (1958). *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. Kaherah: Lajnah al-Bayān al- ‘Arabi.
- Johari, M. A. (2015). Pengajian hadith di masjid dan surau sekitar Shah Alam, Selangor: Tinjauan terhadap kefahaman hadith. *Hadis*. 5(9): 21-30.
- Mahmud al-Ṭaḥḥān. (1985). *Taisir mustalah al-ḥadīth*. Iskandariah: Markaz al-Hudā Li al-Dirāsāt.
- Mohd Fadzil, M. F., Deraman, F., & Amir, S. (2014). Pengajian Hadith di Institusi Formal dan Non Formal di Malaysia. *Hadis*, 4(7): 33-59.
- Mūsā, M. M. (1981). *al-Tarbiyyah inda al-Ghazzālī wa Ibn Khaldūn*. Kaherah: Alam al-kitab.
- Na’mi, A. (1994). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldūn dan al-Qabisi*. Mohd. Ramzi Omar (terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shah, F. A. (2016). *Kaedah tepat memahami hadis*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Temubual pengajar dan pentadbir Maahad Tahfiz an-Nadwi, Kajang, Maahad Tahfiz at-Tayyibah, Sungai Merab, Kajang; Maahad Tahfiz Kiblah, Bukit Unggul, Sepang; Maahad Tahfiz Miftahul Ulum, Jalan Kuari, Kajang; Maahad Tahfiz Ummul Qura, Tebuk Mufrad, Sabak Bernam; Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Bagan Lalang, Sepang; MITS Kuala Langat, Jugra, Banting; MITS Klang, Alam Impian, Shah Alam dan MITS Bagan Terap, Sabak Bernam.
- Zakaria, G. A. N. (2003). *Prinsip-prinsip pendidikan Islam*. Pahang: Publications & Distributor Sdn. Bhd.

AUTHOR’S BIOGRAPHY

Abu Zaki bin Ismail, anak jati kelahiran Johor. Memperoleh ijazah doktor falsafah dalam pengajian Islam di Universiti Malaya (UM) pada tahun 2017 dengan tesis bertajuk *Mukjizat Bilangan Dalam Al-Quran: Kajian Perbandingan Antara Bassām Nihād Jarrār dan ‘Abd al-Dā’im al-Kaḥīl*. Juga Sarjana Usuluddin di Universiti Malaya (UM) pada 2002 dalam bidang Tafsir dengan disertasi bertajuk *al-Khilafah al-Islamiyyah Dalam Al-Quran. Satu Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Kuala Lumpur*. Beliau juga memegang sarjana muda dalam bidang Usuluddin dari Universiti Malaya (UM), pada tahun 1997. Latihan ilmiah berjudul *Konsep Al-Mudawālah Dalam Perjuangan Islam. Satu Kajian Terhadap Ayat 140 Surah Āli ‘Imrān*. Beliau menulis kertas kerja dan dibentangkan di seminar-seminar kebangsaan dan antarabangsa. Penulisan beliau merangkumi bidang Usuluddin, pengajian tafsir dan *i’jāz al-Qur’ān*. Kini bertugas di Jabatan Dakwah dan

Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam KUIS. Beliau boleh dihubungi pada alamat e-mel: abuzaki@kuis.edu.my